


LN-13262

05/08  
22

**KAJIAN JENTERA PENTADBIRAN  
DEWAN UNDANGAN NEGERI SARAWAK**



**BIRO PENYELIDIKAN DAN PERUNDINGAN  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
40450 SHAH ALAM, SELANGOR  
MALAYSIA**

**DISEDIAKAN OLEH:**

**PROF. MADYA SHAHARUDDIN BADARUDDIN  
NOR SUZIWANA HJ TAHIR**

**APRIL 2004**

## ISI KANDUNGAN

<b>Kandungan</b>	<b>Muka Surat</b>
Muka Surat Tajuk	i
Surat Penyerahan Laporan	ii
Daftar Ahli Penyelidik	iii
Penghargaan	iv
Isi Kandungan	v
Abstrak	ix

### **Bab 1: Pengenalan Kepada Dewan Undangan Negeri Sarawak**

1.0	Pengenalan	1
1.1	Konsep Asas Demokrasi Di Malaysia	2
1.1.1	Asas-Asas Demokrasi	2
1.1.2	Jenis-Jenis Demokrasi	3
1.1.3	Prasyarat Demokrasi	4
1.1.4	Perlaksanaan Demokrasi Di Malaysia	6
1.2	Kajian Literatur	7

### **Bab 2: Sejarah Dewan Undangan Negeri Sarawak**

2.0	Pengenalan	11
2.1	Zaman Pemerintahan Brooke	11

## ABSTRAK

Kajian ini adalah berkenaan dengan Jentera Pentadbiran Dewan Undangan Negeri Sarawak daripada aspek Legislatif. Ia adalah bertujuan untuk memberi pendedahan mengenai keunikan sistem pentadbiran yang terdapat di Sarawak.

Sistem demokrasi berparlimen dan raja berpelembagaan merupakan satu bentuk pemerintahan yang diamalkan di Sarawak. Konsep asas serta jenis-jenis demokrasi diperbincangkan dengan lebih lanjut dalam laporan ini termasuk prasyarat dan perlaksanaannya. Sejarah Dewan Undangan Negeri Sarawak turut memaparkan keadaan sebelum kemerdekaan ketika di bawah jajahan Brooke dan Koloni Inggeris dan juga keadaan selepas kemerdekaan. Dengan pengamalan sistem demokrasi, pilihanraya dan perwakilan di Sarawak turut di perbincangkan dengan lebih lengkap. Ini termasuk konsep pilihanraya, fungsi dan keadaan pilihanraya di Sarawak, parti-parti politik yang terlibat secara langsung, persaingan sesama mereka serta isu-isu dan persaingan parti-parti politik di dalam Dewan Undangan Negeri. Perkara yang terpenting berkenaan dengan Dewan Undangan Negeri adalah jentera-jentera pentadbirannya. Keunikan inilah yang membezakan sistem Dewan Undangan Negeri di Semenanjung Malaysia dan Sarawak. Laporan ini mengulas dengan teliti berkenaan dengan komposisi, tempoh dan kedudukan ahli dewan, kepentingan Speaker, persidangan dan pembubaran Dewan Undangan Negeri dan perihal Dewan Undangan Negeri serta prosedur-prosedur penting dalam hal kewangan dan rang undang-undang.

## BAB 1

### PENGENALAN KEPADA DEWAN UNDANGAN NEGERI SARAWAK

#### 1.0 Pengenalan

Dewan Undangan Negeri Sarawak adalah DUN yang tertua di mana penubuhannya adalah sekitar tahun 1867 di Bintulu.<sup>1</sup> Sepanjang perkembangannya, ia telah mengalami beberapa siri perubahan baik dari segi fizikal mahupun dari segi fungsi dan kuasanya. Dewan Undangan Negeri ini juga telah menempuh tiga zaman yang penting iaitu zaman pemerintahan Brooke, diikuti oleh zaman pemerintahan British dan akhirnya zaman kemerdekaan menerusi Malaysia sehingga kini.

Apa yang paling menarik tentang Dewan Undangan Negeri Sarawak ialah beberapa ciri keistimewaan yang ada padanya. Antaranya adalah kedudukan Speaker sendiri di mana beliau dilantik oleh Yang Dipertua Negeri selepas berbincang dengan Ketua Menteri. Selain daripada itu, dalam usaha untuk memperkemaskan perjalanan pentadbiran DUN, wujud peruntukannya dalam Perlembagaan Sarawak dan juga Peraturan Tetap atau *Standing Order* yang mempunyai peruntukan seperti Jawatankuasa Akaun Awam, Jawatankuasa Khas, dan Bill Persendirian Ahli DUN. Selain daripada itu, ia adalah satu-satunya DUN yang memberikan kebebasan dalam

## **BAB 2**

### **SEJARAH DEWAN UNDANGAN NEGERI SARAWAK**

#### **2.0 Pengenalan**

Dewan Undangan Negeri Sarawak adalah dewan perundangan yang tertua di Malaysia. Ia telah ditubuhkan oleh Raja Muda Charles Brooke melalui mesyuarat yang diadakan di Bintulu pada 8 September 1867 dan arahan penubuhannya datang daripada Raja James Brooke sendiri. Pada peringkat awal Dewan Undangan Negeri Sarawak ini dikenali sebagai Majlis Umum yang terdiri dari 21 orang wakil yang terpilih dikalangan ketua-ketua kaum tempatan. Selepas itu, perkembangan yang telah berlaku dan kelebihan Dewan Perundangan ini ialah ia telah melalui tiga zaman dengan ciri-ciri yang tersendiri.

1. Zaman Pemerintahan Brooke 1867-1946
2. Zaman Pemerintahan Koloni Inggeris 1946-1963
3. Zaman Kemerdekaan 1963-kini

#### **2.1 Zaman Pemerintahan Brooke**

Di dalam pemerintahan Brooke, Dewan Perundangan Negeri sebenarnya mempunyai kuasa yang terhad. Dewan Undangan Negeri sebenarnya tidak mempunyai kuasa sebagai sebuah kerajaan dan kesemua keputusan telah pun